



Ismail Sabri beramah mesra dengan pelajar selepas menyampaikan Baucar Buku 1Malaysia 2013 kepada pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang.

(FOTO HALIM MAT ALI/BH)

**"Kita ada garis panduan jelas mengenai pengiklanan. Syarikat pengeluar air jampi perlu patuh syarat supaya apa yang mahu diiklan bagi mlariskan produk tidak wujud unsur penipuan"**

**Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob,**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

# Pengeluar air jampi perlu kena tindakan

» KPDKKK,  
JAKIM pantau  
iklan, penjualan  
produk

Oleh Abdul Razak Raaff  
raaff@bharian.com.my

■ Kuantan

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) boleh mengambil tindakan ke atas

syarikat pengeluar air jampi yang membuat iklan dan testimoni mengelirukan pengguna.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pihaknya sedang memantau dengan serius termasuk berbincang dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengawal selia penjualan air jampi yang menggunakan iklan mengelirukan bertujuan menipu pengguna.

**Minta kerjasama pengguna**  
Pengguna pula, katanya, perlu bekerjasama jika mengesan kekeliruan dalam iklan me-

ngenai produk air jampi sehingga menimbulkan keraguan termasuk testimoni, kononnya bukti keberkesanannya terbabit dalam mengubati penyakit.

"Kita ada garis panduan jelas mengenai pengiklanan. Syarikat pengeluar air jampi perlu patuh syarat supaya apa yang mahu diiklan bagi mlariskan produk tidak wujud unsur penipuan," katanya pada sidang media selepas menyampaikan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) kepada 8,531 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini semalam.

## Perlu pandang serius

Hadir sama Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim; Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail; Timbalan Naib Canselornya, Datuk Dr Ir Badhrulhisam Abdul Aziz dan Datuk Dr Rosli Mohd Yunus serta Pengarah KPDKKK Pahang, Mohd A Aruwan Abd Aziz.

Beliau berkata, kementerian juga memandang serius kedegilan pengusaha produk air jampi dalam mematuhi peraturan pengiklanan yang boleh mendedahkan pengguna kepada risiko kerugian.

"Tindakan juga boleh dikehendaki terhadap mereka yang mengeluarkan testimoni tidak tepat selepas menggunakan sesuatu produk kerana ia menimbulkan kekeliruan pengguna. Testimoni hendaklah tepat, mestilah buktikan produk yang diambil berkesan. Jika tak tepat, kita boleh ambil tindakan kerana menipu," katanya.